

SOALAN LAZIM BERKAITAN PENDERMAAN ORGAN

Adakah pendermaan organ dan tisu akan mencatatkan jenazah?

Proses pendermaan organ dan tisu tidak akan menjejaskan rupa dan bentuk jenazah. Pengkebumian boleh dijalankan seperti biasa.

Adakah semasa bedah siasat (*post mortem*), organ dan tisu akan diambil tanpa pengetahuan waris?

Proses pengambilan organ dan tisu untuk tujuan transplantasi hanya boleh dilakukan setelah mendapat kebenaran bertulis daripada waris dan mesti dijalankan secara steril yang berbeza dari proses bedah siasat.

Adakah seseorang yang disahkan meninggal dunia kerana Covid-19 boleh mendermakan organ?

Seseorang yang disahkan meninggal dunia kerana Covid-19 tidak boleh menjadi penderma organ kerana ia penyakit berjangkit.

Adakah sebagai pengikrar pendermaan organ, rawatan semasa saya di hospital akan terjejas?

Rawatan hospital tidak akan terjejas, bahkan rawatan terbaik tetap diberikan kepada semua tanpa mengira sama ada pengikrar penderma organ atau tidak.

Adakah semua organ daripada pengikrar akan diambil setelah meninggal dunia?

Tidak semestinya. Pendermaan organ akan dilakukan berdasarkan kriteria berikut:

- Hanya organ dan tisu yang didermakan oleh keluarga.
- Organ dan tisu itu masih berfungsi dan boleh digunakan selepas kematian.
- Ada penerima sesuai yang menunggu.

Sekiranya seorang meninggal dunia di rumah, adakah dia boleh menjadi penderma organ atau tisu?

Seseorang yang meninggal dunia di rumah hanya layak menderma Kornea Mata sahaja dan prosedur berkenaan boleh dilakukan di rumah jika menepati kriteria.

JOM IKRAR DERMA ORGAN

Ayuh daftar sekarang sebagai pengikrar penderma organ selepas kematian.

Dapatkan informasi terkini kaedah pendaftaran sebagai pengikrar yang mudah dan cepat di laman sesawang dan media sosial rasmi Pusat Sumber Transplan Nasional.

Maklumkan hasrat murni anda mendaftar sebagai pengikrar penderma organ kepada ahli keluarga dan waris supaya mereka faham dan dapat memberi kebenaran apabila tiba masanya.

**DAPATKAN MAKLUMAT LANJUT
BERKAITAN PENDERMAAN
ORGAN DI MALAYSIA**



www.dermaorgan.gov.my



1800-88-9080



ntrc@moh.gov.my



DERMA ORGAN

INFORMASI ASAS PENDERMAAN ORGAN DI MALAYSIA

DITERBITKAN OLEH:
PUSAT SUMBER TRANSPLAN NASIONAL
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PENGENALAN

- ♥ Pendermaan organ ialah proses mendermakan organ seseorang untuk tujuan transplantasi (pemindahan organ) bagi menyelamatkan nyawa pesakit.
- ♥ Pemindahan organ telah terbukti sebagai kaedah rawatan yang berkesan kepada pesakit yang mengalami kegagalan organ peringkat akhir dan ia juga dapat meningkatkan kualiti hidup pesakit.
- ♥ Terdapat 2 jenis pendermaan organ iaitu pendermaan organ semasa hidup dan pendermaan organ selepas kematian.
- ♥ Pendermaan organ selepas kematian adalah lebih digalakkan berbanding pendermaan organ semasa hidup.
- ♥ Pendermaan organ selepas kematian dapat menyelamatkan lebih banyak nyawa berikutan lebih banyak organ dan tisu boleh didermakan.
- ♥ Tiada sebarang risiko kepada penderma organ selepas kematian berbanding pendermaan semasa hidup.
- ♥ Bilangan pesakit dalam senarai menunggu organ baharu dari penderma organ selepas kematian pada masa kini begitu tinggi berikutan ramai rakyat Malaysia mengalami kegagalan akhir organ.
- ♥ Mereka perlu menjalani pemindahan organ baharu dengan kadar segera bagi menyelamatkan nyawa.
- ♥ Walau bagaimanapun, pemindahan organ tidak dapat dilaksanakan jika tiada penderma organ.

ORGAN & TISU

YANG BOLEH DIDERMAKAN DI MALAYSIA

PENDERMAAN SELEPAS KEMATIAN

ORGAN



TISU



PENDERMAAN SEMASA HIDUP

ORGAN



PANDANGAN AGAMA TERHADAP PENDERMAAN ORGAN

ISLAM

Majlis Fatwa Kebangsaan 1970 menyatakan hukum pendermaan organ selepas kematian adalah harus.

AGAMA LAIN UTAMA (BUDDHA, HINDU, KRISTIAN, SIKH)

Agama-agama lain juga membenarkan pendermaan organ dan menganggap ia merupakan amalan yang mulia.

PROSEDUR

PENDERMAAN ORGAN SELEPAS KEMATIAN DI MALAYSIA



HOSPITAL KUALA LUMPUR
▶ Transplan Buah Pinggang
▶ Bank Tulang

INSTITUT JANTUNG NEGARA
▶ Transplan Jantung
▶ Transplan Paru-paru
▶ Injap Jantung

HOSPITAL SELAYANG
▶ Transplan Hati
▶ Transplan Buah Pinggang

HOSPITAL SUNGAI BULOH
▶ Bank Tisu Kornea